

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (JENTIK)

TARIKH: 12 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 11

## Untungnya perokok di Malaysia



Pengarang Eksekutif  
Pengeluaran Berita Harian  
azharas@bh.com.my

Menyatakan simpati biarlah bertempat. Kalau tidak, kita umpama menangkis gajah berusung. Tidak boleh dinafikan perokok ada hak, namun biarlah langkah diambil untuk tujuan 'sama-sama' menang tidak dilihat menongkah arus.

Tindakan dibuat penguat kuasa, terutama Kementerian Kesihatan dengan mengeluarkan saman sememangnya disambut baik majoriti masyarakat, apatah lagi tempoh mendidik mencukupi sudah pun diberi.

Ketika ramai mahu larangan merokok diperluaskan dan ditingkatkan denda, pemberian 'insentif' RM1 juta diumumkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membina tempat merokok di luar premis kawasan komersial dan medan selera milik pihak berkuasa tempatan (PBT), sesuatu yang di luar kotak pemikiran pakar perubatan.

Pembaharuan dan pendekatan

mesra perokok yang mahu dilaksanakan itu jelas bertentangan dengan usaha Kementerian Kesihatan yang sudah mewariskan tempat awam sebagai kawasan larangan merokok.

Kalau di Singapura, pelbagai peraturan baharu, termasuk meningkatkan had umur untuk rakyatnya merokok, negara kita pula seolah-olah mahu memberi gambaran merokok adalah satu budaya yang boleh diterima masyarakat.

Kenapa ada percanggahan dasar di antara dua kementerian mengenai soal merokok, bak kata orang Kelantan tidak berlaga angin. Sudah dibuatkah perbincangan dengan kedua-dua pemegang taruh, termasuk soal teknikal sebelum keputusan ini diumumkan?

Wajarkah RM1 juta dilaburkan untuk kemudahan perokok, sedangkan kebanyakan tempat di Malaysia adalah kawasan boleh merokok. Untuk rekod, di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004, Kementerian Kesihatan mewariskan hanya 23 tempat sebagai kawasan larangan merokok di seluruh negara.

Sebagai perbandingan, elok penulis menyenaraikan langkah-langkah 'tidak kasihan' dibuat Kerajaan Singapura untuk tidak menggalakkan rakyatnya



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyediakan dana RM1 juta untuk membina tempat khas merokok (Foto hiasan)

merokok. Kawasan beli-belah, Orchard Road, Singapura diisytiharkan zon larangan merokok sepenuhnya. Jika ditangkap dengannya dua kali ganda lebih tinggi daripada di Malaysia.

Umur 19 tahun baru boleh merokok di republik itu dan syarat boleh merokok akan naik setiap tahun sehingga sekurang-kurangnya 21 tahun. Tujuannya untuk menghalang remaja mengamalkan tabiat merokok dengan menghadkan akses kepada produk tembakau bagi menjadikan mereka 'tidak terbiasa'.

Tidak boleh dibayangkan riuh-rendah di negara ini jika kerajaan bercadang memasang kamera pengesan haba definisi tinggi untuk menangkap dan mendenda perokok. Republik itu bercadang memasang 300 peralatan seumpama itu di seluruh negara. Ini bermakna perokok elektronik pun tidak terlepas, termasuk juga mereka yang merokok dalam kereja dengan tingkap terbuka.

Penulis juga tidak faham bagaimana merokok yang difatwakan haram masih menjadi 'makanan' mereka yang beragama Islam, termasuk dalam kelompok cerdik pandai, ustaz dan pegawai syarak. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor mewariskan fatwa merokok haram berkuat kuasa pada 7 Disember 1995 di bawah Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989. Muazakarrah Jawatankuasa Fatwa Majelis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-37 pada 23 Mac 1995 juga memutuskan haram dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah turut berpegang kepada fatwa merokok adalah haram.

Rupanya teramat sukar untuk membuang tabiat merokok. Penulis teringat kata-kata pengarang tersohor Amerika, Samuel Langhorne Clemens atau lebih terkenal sebagai Mark Twain: "If smoking is not allowed in heaven, I shall not go. (Kalau merokok tidak dibenarkan di syurga, saya tak mahu masuk.)"